

KENYATAAN MEDIA

AmanahRaya REIT Catat Pertumbuhan Hasil Sewa yang Kukuh pada Suku Ketiga 2025 kepada RM19.45 Juta

- *Prestasi Kewangan Kukuh dengan Peningkatan 23.52% Pendapatan Hartanah Bersih dan Kos Pinjaman yang Lebih Rendah*
- *Pemegang Unit Akan Menerima Pengagihan 1.21 Sen seunit*

Kuala Lumpur, 27 November 2025 – AmanahRaya Real Estate Investment Trust ("AmanahRaya REIT") mengumumkan keputusan kewangan untuk suku ketiga berakhir 30 September 2025 ("S3 2025"), mencatatkan prestasi yang stabil yang disokong oleh pendapatan sewa yang kukuh dan peningkatan kadar penghunian.

Bagi suku semasa, AmanahRaya REIT mencapai pendapatan sewa sebanyak RM23.10 juta, mewakili peningkatan tahun ke tahun sebanyak 22.62% berbanding RM18.84 juta pada Suku Ketiga 2024. AmanahRaya REIT mencatatkan pendapatan bersih sebanyak RM14.94 juta, menandakan peningkatan sebanyak 23.52% daripada RM12.10 juta pada tahun sebelumnya. Kos pinjaman menurun sebanyak 5.60% kepada RM6.69 juta, berikutan pelarasan kadar dasar Bank Negara Malaysia baru-baru ini.

Bagi tempoh sembilan bulan pertama ("YTD"), AmanahRaya REIT mencatatkan pendapatan sebanyak RM59.01 juta, menunjukkan peningkatan sebanyak 11.68% berbanding RM52.84 juta pada tahun sebelumnya. Perbelanjaan operasi hartanah berjumlah RM22.80 juta, manakala pendapatan hartanah bersih meningkat 17.21% kepada RM39.86 juta. AmanahRaya REIT mencapai pendapatan (*Realised Income*) sebanyak RM7.71 juta untuk tempoh tersebut, meningkat sebanyak 17.15% daripada RM6.58 juta bagi tempoh yang sama tahun lepas.

Pada 30 September 2025, nilai aset bersih ("NAB") berjumlah RM724.66 juta, dengan nilai seunit RM1.2642, disokong oleh prestasi operasi yang stabil.

KENYATAAN MEDIA

Selaras dengan komitmen untuk memberikan pulangan yang konsisten, pendapatan boleh agih kepada pemegang unit dianggarkan sebanyak RM6.936 juta, bersamaan dengan 1.21 sen seunit.

Datuk Mohd Iskandar Dzulkarnain Ramli, Pengarah Urusan AmanahRaya-Kenedix REIT Manager Sdn. Bhd. ("AKRM") berkata, "Keputusan suku ketiga ARREIT menunjukkan penambahbaikan dalam portfolio kami, dengan pendapatan sewaan yang terus berkembang serta pendapatan bersih yang mencatatkan peningkatan tahunan yang kukuh. Walaupun berdepan perbelanjaan yang lebih tinggi pada suku ini akibat aktiviti penyelenggaraan dan operasi di beberapa hartanah termasuk pengubahsuaian dan peningkatan kemudahan di Vista Tower serta pengemaskinian lobi dan facelift di Dana 13, kami tetap fokus untuk mengekalkan kestabilan penyewa, memperkukuh prestasi aset, dan memastikan pengurusan modal yang berdisiplin.. Pengagihan yang dicadangkan mencerminkan komitmen kami untuk mengekalkan pulangan kepada pemegang unit selaras dengan usaha penciptaan nilai jangka masa panjang."

Pengurus menjangkakan prestasi operasi akan terus disokong dengan pembaharuan penyewaan yang stabil dan persekitaran kadar faedah yang lebih kondusif. AmanahRaya REIT akan terus mengutamakan pengurusan aset secara aktif dan disiplin kewangan yang berhemat bagi meningkatkan keberkesanan pendapatan Amanah dan daya tahan jangka panjang.

--- TAMAT ---

MENGENAI AMANAHRAYA REIT

AmanahRaya Real Estate Investment Trust (AmanahRaya REIT) ialah dana pelaburan hartanah yang terkenal di Malaysia. Ditubuhkan pada 10 Oktober 2006, dan disenaraikan di Papan Utama Bursa Malaysia Securities Berhad pada 26 Februari 2007, ia memberi tumpuan kepada menyediakan pelabur dengan portfolio hartanah yang pelbagai.

Pada 31 Disember 2024, AmanahRaya REIT mempunyai 12 hartanah dengan jumlah nilai saksama RM1.297 bilion. Portfolio dipelbagaikan merentas pelbagai jenis hartanah, termasuk kompleks pejabat, institusi pendidikan, bangunan perindustrian, kompleks runcit dan hotel. Hartanah tersebut terletak secara strategik di kawasan utama seperti Johor (wilayah Selatan), Kedah dan Lembah Klang, yang merangkumi Kuala Lumpur, Petaling Jaya, Shah Alam, Damansara Heights, dan Subang Jaya. Kepelbagaian geografi dan sektor ini membantu mengurangkan risiko dan menstabilkan pulangan, memberikan pendedahan yang seimbang untuk pelabur.

KENYATAAN MEDIA

MENGENAI AMANAHRAYA-KENEDIX REIT MANAGER SDN. BHD

AmanahRaya-Kenedix REIT Manager Sdn. Bhd. (AKRM), usaha sama antara Amanah Raya Berhad dan KDA Capital Malaysia Sdn. Bhd. (KDA Capital), telah ditubuhkan pada 8 Mei 2009. Ia mengambil alih pengurusan AmanahRaya Real Estate Investment Trust (AmanahRaya REIT) daripada pengurus terdahulu, AmanahRaya-JMF Asset Management Sdn. Bhd. (kini AmanahRaya Investment Management Sdn. Bhd.), pada 27 Ogos 2009.

Pada 31 Disember 2024, AKRM mempunyai modal saham dibenarkan sebanyak RM5 juta dan modal saham berbayar sebanyak RM1.5 juta. Kenedix, Inc., melalui KDA Capital, membuat pelaburan besar dalam AKRM, memperoleh 49% kepentingan, manakala Amanah Raya Berhad mengekalkan 51% saham mengawal. KDA Capital juga membeli 15% unit AmanahRaya REIT.

Tanggungjawab teras AKRM adalah untuk menguruskan strategi pelaburan AmanahRaya REIT, bertujuan untuk mencapai pulangan yang stabil dan mampan untuk pemegang unitnya. Ini melibatkan penyeliaan objektif pelaburan amanah dan memastikan portfolio memberikan prestasi dan nilai yang konsisten kepada pelabur.

KENYATAAN MEDIA

Dikeluarkan bersama oleh: Swan Consultancy. Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Noor Atiyya Binti Mahmud
Pengurus Hubungan Pelabur
Amanahraya-Kenedix REIT Manager Sdn. Bhd.
Tel: +60 13-808 8825
E-mell: nooratiyya@akrm.com.my

Jazzmin Wan
Pengurus Hubungan Awam
Swan Consultancy
Tel: +60 17-289 4110
E-mell: j.wan@swanconsultancy.biz

Renee Toh
Eksekutif
Swan Consultancy
Tel: +60 12-228 9621
E-mel: r.toh@swanconsultancy.biz